

Kenangan arwah rakan meruntun menjelang raya

Mangsa nahas helikopter milik Hornbill Skyways syukur terselamat

Zikra Ramadan

Oleh Muhd Yusuf Abu Bakar

KUCHING: "Setiap kali mendengar atau melihat gambar dan berita mengenai nahas udara terutama helikopter, saya menangis kerana sedih mengenangkan nasib mangsa dan keluarga mereka dan dapat berasakan apa yang dilalui mereka," kata Razali Hassan.

Razali, 49, ialah seorang daripada mangsa nahas helikopter milik Hornbill Skyways, yang terselamat dalam kejadian helikopter terhempas di puncak Bukit Batu Tiban, Ulu Baleh, Kapit, pada Julai 2005.

Razali, kakitangan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (Jupem) di sini, berkata penderitaan yang dialami keluarga mangsa lebih teruk terutama ketika menunggu untuk mengetahui nasib mangsa nahas yang mengambil masa yang agak lama untuk dikesan pasukan mencari dan menyelamat.

"Saya pernah mengalami nahas dan mempunyai keluarga yang menunggu untuk mengetahui nasib kita... setiap kali terdengar berita helikopter terhempas, secara tiba-tiba air mata mengalir mengenangkan nasib mangsa dan keluarga mereka," katanya ketika ditemui *Berita Harian*, di pejabatnya di sini, semalam.

Dalam kejadian 27 Julai itu, helikopter Bell 206 milik Hornbill Skyways yang dikendalikan juruterbang Kapten Razali Sani, 48, yang membawa kakitangan Jupem dan anggota tentera terhempas di Bukit Batu Tiban, berhampiran sempadan Malaysia-Indonesia.

Dalam kejadian kira-kira 10.20 pagi itu, hanya Razali yang terselamat, manakala rakanannya, Ramli Jamal,



KENANGAN NGERI: Razali menunjuk keratan akhbar gambarnya bersama isteri selepas selamat daripada nahas helikopter pada Julai 2005.

37; anggota tentera, Koperal Empeni Karong, 33 dan juruterbang terkorban dalam nahas yang dipercayai berpunca akibat angin kencang.

Razali berkata, ketika menyambut Ramadan dan Aidilfitri ini, semua keluarga nahas helikopter di Malaysia akan terkenang akan kehilangan anak, suami dan keluarga masing-masing.

"Kita boleh kenangkan mereka yang terkorban sambil meredai pemergian mereka. Saya sendiri sedih melihat rakan yang meninggal dunia di depan mata sendiri.

"Kita kena kembali melihat kehendak Allah, kalau sudah sampai ajal, matilah kita," katanya yang terpaksa bermalam selama lima hari bersama rakan yang terkorban sebelum ditemui pasukan mencari dan menyelamat.

Razali berkata, nahas ngeri itu mendekatkan dirinya kepada Allah yang memanjangkan umurnya.

“Nahas ngeri itu mendekatkan diri saya kepada Allah. Allah memberi peluang kepada saya sekali lagi untuk hidup, saya tidak akan melepaskan peluang untuk mematuhi perintahNya”

Razali Hassan
Mangsa nahas helikopter

"Allah memberi peluang kepada saya sekali lagi untuk hidup, saya tidak akan melepaskan peluang untuk mematuhi perintah-Nya," katanya yang membaca surah Yasin yang dibawanya ketika menunggu diselamatkan di Bukit Batu Tiban.

Menceritakan kembali nahas dua tahun lalu, Razali berkata, helikopter yang dipandu juruterbang berpuising-pusing apabila ditiup angin lintang yang kencang ketika untuk menurunkan Ramli di puncak bukit berkenaan.

"Pesawat itu bergolek ke bawah bukit dan tersangkut pada pokok dan saya yang masih mengenakan tali pinggang keselamatan pengsan selama tiga jam sebelum sedar semula selepas mendengar bunyi sebuah helikopter yang datang untuk menyelamat.

"Saya hanya sempat menjerit, Ya Allah, Ya Allah!, sebelum pengsan," katanya yang ketika itu patah tangan dan tidak boleh keluar dari pesawat.

Beliau yang dikenali sebagai Ramli Rimba oleh rakanannya, berkata ketika menunggu untuk diselamatkan, dia menngukir haribulan pada dinding helikopter sebagai tanda dia masih hidup.

"Saya menulis 25, 26, 27 (Julai) pada dinding helikopter dengan harapan, kalau saya mati, keluarga saya mengetahui saya masih hidup pada tarikh berkenaan," katanya yang sudah serik untuk menaiki helikopter.

Razali juga berkata, hidup manakala adalah ketentuan Allah dan sebagai hamba, kita perlu reda.

"Kalau anak atau rakan ingin keluar ke tempat jauh, kita iringi mereka dengan doa supaya mereka selamat selain mengingatkan mereka supaya berdoa sebelum keluar," katanya tidak dapat menyembunyikan rasa sedih apabila terkenangkan rakanannya yang terkorban dalam nahas itu, terutama menjelang Aidilfitri minggu depan.

PERPUSTAKAAN PETA NEGARA

Nama Akhbar BERITA HARIAN
Tarikh 06.10.2007
Muka Surat 19
Perkara KENANGAN HELIKOPTER
TERHEMPAS.